



GAMBAR ATAS: Gambar koleksi yang dipamer menarik perhatian pengunjung.
GAMBAR BAWAH: Pengukir sedang tekun menyiapkan patung kayu.

Kenali warisan masyarakat Orang Asli

Muzium khas beri peluang masyarakat luar melihat budaya hidup

BH 16/7/08 Ms 8

Oleh Mona Ahmad
mona@bharian.com.my

JIKA anda berkesempatan lalu atau berkunjung ke Gombak, Selangor, jangan lupa singgah di Muzium Orang Asli yang menempatkan pelbagai khazanah dan sejarah serta warisan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Muzium yang diuruskan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) itu terletak 12 kilometer dari simpang Lebuhraya Lingkaran Tengah (MRR2) menuju ke Universiti Islam Antarabangsa.

Asalnya, muzium yang dibuka pada 1987 itu, ditempatkan di rumah kediaman rasmi bekas Ketua Pengarah JHEOA, bagaimanapun muzium baru dibina dengan kos RM3.5 juta pada 1995 dan dirasmikan pada 2000.

Orang Asli adalah sebahagian daripada kaum Bumiputera di negara ini. Sehingga Disember 2006, jumlah Orang Asli di Malaysia berjumlah 141,230 orang. Masyarakat itu terdiri daripada tiga suku bangsa yang besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto.

Tiap-tiap suku bangsa itu dipecahkan kepada enam suku kaum yang boleh bertutur dalam bahasa lain selain dialek Melayu tempatan.

Enam suku dalam suku bangsa Negrito ialah Kensi, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq, manakala enam lagi suku dari kumpulan Senoi ialah Temiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jah



SAMA CANTIK...Replika pakaian pasangan pengantin dan adat perkahwinan.

Hut dan Mah Meri.

Bagi suku bangsa Melayu Proto pula, enam suku yang berada dalam masyarakat ini ialah Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar.

Ketua Unit Muzium, Muzium Orang Asli, Asmawi Mohamed Yunos, objektif penubuhan muzium itu ialah mengabadikan sejarah silam masyarakat Orang Asli sebagai bahan sejarah, mengumpul, memelihara dan mempamerkan semula segala bentuk warisan budaya peninggalan masyarakat Orang Asli untuk generasi akan datang.

"Selain pameran, pihak muzium turut memberi peluang kepada pelancong melihat sendiri acara kebudayaan dan demonstrasi anyaman serta menyempit, bagaimana-

pun ia hanya diadakan mengikut permintaan," katanya ketika ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Muzium itu dibahagikan kepada lapan bahagian iaitu sudut Senoi Praaq, peralatan memburu, adat perkahwinan Orang Asli, kepercayaan, peralatan muzik, pakaian, perhiasan diri dan seni ukir serta kraftangan.

Di sudut Senoi Praaq, pengunjung berpeluang melihat gambar lama yang berkaitan dengan Pasukan Polis Hutan yang ditubuhkan pada 1957 dan bertindak sebagai unit bebas berkhidmat di kawasan perkampungan Orang Asli di pedalaman.

Pelancong juga berpeluang mengenali budaya masyarakat Orang Asli dengan lebih dekat apabila melihat sendiri peralatan perbu-

ruan yang digunakan masyarakat Orang Asli yang dipamerkan seperti sumpitan buluh, panah, belantik, jerat dan perangkap, manakala alat menangkap ikan seperti bubu, lukah dan tual.

Masyarakat Orang Asli mempunyai adat perkahwinan yang unik seperti membuang sial, mengasah gigi, menggantung kelambu, berinai, majlis tari menari dan memandikan mempelai. Di muzium ini juga, orang ramai boleh melihat sendiri replika patung masyarakat Orang Asli ketika menjalani adat istiadat perkahwinan.

Muzik tidak boleh dipisahkan daripada masyarakat Orang Asli. Justeru, di muzium ini, orang ramai berpeluang melihat sendiri peralatan muzik yang berasaskan buluh untuk jenis ketukan, tiupan, paluan dan gesekan, manakala tembaga seperti gong, chentong, gitar buluh, kreb, pensol dan kentong-kentong.

Di sudut pakaian dan perhiasan diri pula, pengunjung berpeluang melihat pakaian asal Orang Asli di zaman dulu menggunakan kulit haiwan dan daun kayu, manakala perhiasan menarik diperbuat daripada buluh, akar, manik, rotan dan bunga untuk dijadikan hiasan diri seperti anting-anting, rantai, gelang dan sikat.

Bagi yang mahu membawa pulang cenderahati hasil kraftangan masyarakat Orang Asli boleh berbuat demikian kerana kedai cenderamata turut disediakan kepada pengunjung.

“Selain pameran, pelancong berpeluang melihat demonstrasi anyaman serta menyempit ”

Asmawi Mohamed Yunos
Ketua Unit Muzium

